PERBEZAAN DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN KENDIRI IDEAL (PART 11)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

3.2 Teori Keperluan Manusia *(Abraham Maslow)*

Manusia yang normal sentiasa mencari kebahagiaan dan kepuasan diri yang tidak akan pernah puas. Bahkan seseorang selalunya mempersoalkan kepada diri sendiri tentang keperluan terhadap kepuasan segera. Adalah penting bagi setiap individu untuk menumpukan perhatian kepada

Manusia sanggup melakukan apa sahaja untuk mengisi keperluan diri. Kendiri adalah imej berkaitan keperluan diri dengan alam sekeliling agar diri seseorang mampu bersaing atau menjadi unggul. Keperluan diri tersebut diklasifikasikan kepada keperluan fisiologi dan psikologi.

Abraham Maslow (1970) berpendapat bahawa seorang individu akan memenuhi keperluan asasnya terlebih dahulu dan setelah itu seseorang akan terus menerus mengejar keperluan yang lebih tinggi lagi.

Penerimaan Kendiri dan Kendiri Ideal (kesempurnaan kendiri) adalah sebahagian daripada lima keperluan utama manusia. Bahkan *Maslow* berpendapat bahawa keperluan ini dianggarkan mampu memberikan 50% kepuasan maksima kepada individu. Meskipun keperluan ini tidak menandingi dominannya sifat keperluan fisiologi, namun dua unsur kendiri yang berbeza tetapi merupakan aspek yang sama adalah terletak dalam sudut keperluan sekunder yang masih juga sebagai suatu keperluan dan keperluan terhadap penyuburan.



Rajah C: Hierarki keperluan Maslow mengikut peratusan anggaran kepuasan individu.

Melalui Hierarki ini juga, kita melihat bahawa terdapat susunan terhadap proses kendiri yang perlu diadakan terlebih dahulu. Penghargaan Kendiri (Penerimaan Kendiri) adalah lebih perlu dan terdahulu timbul pada personaliti seseorang. Setelah itu barulah Kesempurnaan Kendiri (Kendiri Ideal) dapat dirangkakan dan seterusnya dicapai menjadi suatu realiti.

CONTINUE…